

MAHATHIR-PERUNTUKAN 1979

ALOR SETAR, 25 MAC (BERNAMA) — TIMDALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN HARI INI KERAJAAN NEGERI KEDAH TELAH DIBERIKAN PERUNTUKAN TAMBAHAN LEBIH \$400 JUTA DI BAWAH KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KETIGA.

INI MENJADIKAN JUMLAH PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN KEPADA NEGERI INI DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA LEBIH DARI \$1,240 JUTA, KATANYA KETIKA BERUCAP KEPADA RAKYAT KETURUNAN THAI DI KAMPUNG KUBANG CHENOK, 28 BATU DARI SINI.

KATANYA, TAMBAHAN PERUNTUKAN ITU DIPERLUKAN BAGI MEMPASTIKAN KEJAYAAN PERLAKSANAAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN UNTUK FAEDAH RAKYAT.

PERUNTUKAN ITU JUGA BERTUJUAN MENAMPUNG KENAIKAN HARGA PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN DI SEBABKAN KENAIKAN HARGA BAHAN-BAHAN BINAAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN KERAJAAN BERAZAM UNTUK MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN DENGAN JAYANYA BAGI MEMENUHI JANJI-JANJI KERAJAAN YANG DIBUAT SEMASA PILIHANRAYA YANG LALU.

MENGENAI KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KETIGA, BELIAU BERKATA IA MEMOLONG MENGETAHUI SEJAUH MANA KEJAYAAN PROJEK-PROJEK YANG TELAH DIRANCANG DAPAT DILAKSANAKAN. — BERSAMBUNG

1837/LK

EE

B568

MAHATHIR-PERUNTUKAN 2 ALOR SETAR

DISAMPING ITU, KAJIAN JUGA MEMBOLEHKAN KERAJAAN MENKAJI SEMULA PROJEK-PROJEK YANG DICADANGKAN OLEH KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI UNTUK DIMASUKKAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA.

BELIAU MENEGASKAN KERAJAAN PUSAT MEMANG INGIN MEMBANTU NEGERI-NEGERI KURANG MAJU SEPERTI KEDAH MENCAPI KEMAJUAN YANG PESAT DALAM BERBAGAI BIDANG PEMBANGUNAN.

MENYENTUH TENTANG SUNGUTAN SETENGAH-SETENGAH ORANG YANG MEREKA TIDAK DAPAT PROJEK-PROJEK YANG DIJANJIKAN OLEH KERAJAAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYERU MEREKA SUPAYA BERSABAR KERANA PROJEK-PROJEK TERSEBUT TETAP AKAN DILAKSANAKAN.

BELIAU MENINGATKAN ORANGRAMAI SUPAYA JANGAN TERPENGARUH DENGAN ORANG-ORANG YANG MEMBUAT BERBAGAI TUDUHAN TERHADAP KERAJAAN DISEBABKAN KELAMBATAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN DI KAWASAN MEREKA.

BELIAU BERKATA ORANG-ORANG ITU SEBENARNYA BUKAN BERSUNGUT KERANA KELAMBATAN PERLAKSANAAN PROJEK TETAPI SENGAJA Mencari FASAL BAGI MENCAPI TUJUAN POLITIK MEREKA.

BELIAU BERHARAP ORANGRAMAI TIDAK AKAN TERPENGARUH DENGAN TEKTIK ORANG-ORANG TERSEBUT YANG HANYA CUBA MENDAPATKAN SOKONGAN MEREKA BAGI MENENTANG KERAJAAN. — BERNAMA 1841/LK